

REALISASI

Oleh TAN SRI SHEIKH ABDULLAH

Amaran Dr M...

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, selesa sahaja dalam Kabinetnya yang tidak berahi, cekap dan amanah atau terlahir dalam apa juga bentuk rasuah akan kehilangan jawatan mereka dan menghadapi akibat selanjutnya.

"Jika mereka tidak menjalankan tugas masing-masing dengan baik, mereka akan kehilangan jawatan mereka dan saya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ini," tegasnya.

Bercakap dalam sidang akhbar semasa mengumumkan Kabinet barunya Khamis lalu, beliau mengingatkan bahawa Badan Pencegah Rasuah tetap akan menyalisat selesapa sahaja yang disyaki.

Tegasnya, beliau akan memerhati tingkahlaku dan prestasi setiap anggota Kabinetnya, termasuk Timbalan Menteri dan para Setiausaha Parlimen untuk memastikan amanah berahi, cekap dan amanah tidak ditinggalkan.

"Pada bila-bila masa sahaja jika saya mendapati mereka tidak bekerja keras, mereka menghadapi kehilangan jawatan mereka. Tapi kadang-kadang ada orang terpaksa mengunduri diri kerana sebab-sebab lain," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir membebas hasratnya untuk menjadikan Kerajaan pimpinan beliau satu yang cekap, berahi dan amanah akan mengambil masa. "Tapi saya berkecik untuk menjadikannya satu kenyataan."

(Dipetik dari muka 12 Utusan Melayu April 30, 1982 di bawah kepala, "Menteri-menteri Kabinet yang tidak berahi akan kehilangan jawatan — Mahathir").

Komen Penulis:

Amaran Perdana Menteri itu adalah menunjukkan bahawa beliau adalah lebih mengutamakan "sense of duty" daripada emosi. Sebaliknya, pemimpin-pemimpin yang terpengaruh oleh sentimen dan emosi, jarang-jarang sekali berdehan melakukan satu-satu perubahan yang boleh menyebabkan rakan-rakan kehilangan kerja.

Dengan itu, seperti seringkali dilaporikan oleh akhbar-akhbar luar negeri, setengah-setengah Ketua Jabatan bila mendapati pegawai-pegawai di Jabatan mereka kurang cekap ataupun korup, mereka akan mengesyorkan kepada pihak atasan supaya pegawai-pegawai berkecuali (tampa melaporan kelemahan-kelemahan mereka) "dinasikan pangkat" dan ditukarkan ke Jabatan lain. (Dalam bahasa latin, selesikan pegawai itu tidak lagi menimbulkan "problem" kepada jabatan mereka, apa pun terjadi

kepada negara dengan mengekalkan perkhidmatan pegawai-pegawai tersebut — itu tidak menganggu pegawai-pegawai itu dan ketua-bekuan berkecuali).

Mengenal subjek yang sama, iaitu, penyingkiran rakan-rakan yang menjejakkan imej parti dan Kerajaan, Perdana Menteri Australia, Mr. Malcolm Fraser baru-baru ini telah terpaksa menerima perlatihan jawatan dua orang Menteri berikutan satu skandal yang kedua, iaitu Menteri Kesihatan membawa masuk dari Hongkong sebuah T.V. radio-kaset warna tanpa mengisytiharkan kepada pihak Kastam dan Menteri yang kedua, iaitu Menteri Halahwal Pengguna (Consumer Affairs), yang bertanggungjawab dalam halahwal Kastam, pula cuba "menolong," yakni menutup kesalahan di pihak rakannya.

Ini ketika menerima perlatihan jawatan kedua-dua Menteri tersebut (yang dianggap ramal sebagai dua tokoh dari parti yang memerintah yang mempunyai masa hadapan yang cemerlang). Perdana Menteri Fraser berkata, bahawa peristiwa-peristiwa yang telah berlaku ke atas dua orang Menteri yang telah menunjukkan prestasi yang tinggi, amat mendukacitakan. Tapi tambahnya, harga yang dibayar oleh pemegang-pemegang jawatan awam amatlah tinggi. Katanya lagi, kejujuran yakni, "integrity," bukanlah sahaja satu bahagian yang penting dalam sistem pentadbiran negara dari segi realiti, tapi hanya hendaklah jujur ternyata kepada semua. (Maksud, agaknya, syarat mengenai kejujuran akan dikenakan "sama rata" terhadap orang atasan dan orang bawahah?)

Nota: Dengan ini, perlatihan jawatan oleh Menteri-menteri di Australia (sama ada yang berhiut atau "dihentikan") telah menunjukkan kepada si dalam tempoh 6½ tahun Mr. Fraser menjadi Perdana Menteri. (Dipetik dari Far Eastern Economic Review April 23-29, 1982 di bawah tajuk, "Australia — The duty of a Minister").

Kesimpulan: Jikalauh (sebagai misalan semata-mata) Perdana Menteri kita terpaksa melakukan apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri Australia itu, yakni, mengambil tindakan keras terhadap setengah-setengah Menteri yang kurang jujur, beliau tidaklah boleh bersalahkan, kerana beliau telah memberi amaran terlebih dahulu....

☆☆☆

Ekor Ruangannya:

Presiden Chun Doo-Hwan telah menyindir Menteri Dalam Negerinya, Mr. Suh Jung-Hwa, kerana mengangap Menteri berkenaan sebagai bertanggungjawab terhadap

pembunuhan yang dilakukan oleh seorang anggota polis dalam keadaan mabuk.

Anggota polis berkenaan Woo Bom-Kon, 27 tahun, mengemak seketika bertelingkar dengan teman wanitanya dan dalam tempoh 8 jam telah berjaya membunuh 50 orang di bandar Ulsung, 272 km dari Seoul, dengan mengguna bom-bom tangan.

Presiden Chun telah menerima perlatihan jawatan oleh Menteri berkenaan tapi menolak permohonan yang sama dari Perdana Menteri Yoo Choo-shang yang merasa dirinya jua bersalah mengenai tragedi tersebut. (Dipetik dari New Straits Times April 29, 1982)

Catitan Khas:

Di Korea dan juga negeri Jepun adalah amalan biasa bagi seorang Menteri Kerajaan melatak jawatan "secara sukarela" (dari masa kasar) — tapi sebenarnya dia berbuat demikian atas desakan dari pihak atasan — bila sahaja satu-satu skandal melibatkan Kementerian (atau Jabatan di bawah Kementerian berkenaan), ataupun bila satu-satu malapetaka atau tragedi berlaku, akibat kecucaian pegawai atau Jabatan di bawah kontrolnya, yang membawa kepada tragedi — seperti umpamanya, kemalangan keretaapi atau nahas kapal terbang secara besar-besaran. (Nota: kadangkala Menteri yang melatak jawatan itu tidak beramal sama ada secara langsung ataupun tidak langsung).

Dan dengan cara ini "kemarahan" rakyat merangkap pengundi (dan juga "kebingisan pembangkang" terhadap Kerajaan akan secara automatik berkurangan — memandangkan bahawa seorang Menteri telah "terkorban" akibat skandal atau tragedi berkenaan. (Dalam bahasa latin, "less 'susah or trouble for the Government and the ruling party'").

Amanah ini, agaknya, adalah berasal dari "ritual" keagamaan yang ditakutkan oleh masyarakat primitif di zaman purba? Sebagai misalan — bila satu-satu bencana alam berlaku (seperti gempa bumi atau banjir besar) yang melibatkan kehilangan nyawa sebilangan besar penduduk-penduduk di satu-satu kawasan, maka para sami di kawasan berkenaan cuba "menyukakan hati" dewa-dewa (gods), yang dipercayai menyebabkan bencana alam berkenaan, dengan membuat anika rupa pengorbanan (sama ada yang melibatkan nyawa manusia ataupun binatang ataupun kedua-dua sekali). Dengan cara ini dewa-dewa berkenaan, dengan dipercayai mempunyai kuasa ghaib, tidak akan mengulangi bencana alam atau tragedi yang sama di masa hadapan.

☆☆☆